



05-4506832



pusaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBSI



ptbsi

i

**KEBERKESANAN AKHBAR DALAM DARJAH ( ADD )  
MENINGKATKAN KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MELAYU MURID-  
MURID TAHUN EMPAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN PENDITA ZAABA  
TAPAH ROAD PERAK DARUL RIDZUAN**

**NOOR AZNI YAHYA**



05-4506832



pusaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBSI



ptbsi

**LATIHAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
SARJANA PENDIDIKAN  
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM PERAK DARUL RIDZUAN**



05-4506832



pusaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBSI



ptbsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya**



05-4506832

2004

TARIKH



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

  
**NOOR AZNI BIN YAHYA**  
**200000138**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah ( S.W.T ) yang maha pemurah lagi maha penyayang. Segala puji-pujian itu hanya untuk-NYA yang telah mencipta dan memelihara seluruh alam semesta. Rahmat dan sejahtera kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad ( S.A.W.), kerabat baginda dan sahabat-sahabat baginda.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dihormati Encik Nik Hassan Basri Ab. Kadir. Sesungguhnya segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan beliau telah banyak membantu saya menyiapkan tugas ilmiah ini. Semoga sumbangan bakti beliau mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Ucapan terima kasih juga kepada Guru Besar , guru-guru dan murid-murid Tahun Empat Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road Perak Darul Ridzuan atas segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan ketika kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda dan bonda, isteri dan anak-anak tersayang serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya dalam proses menyiapkan tugas ilmiah ini.



Noor Azni bin Yahya  
Fakulti Bahasa dan Kesusteraan  
UPSI Tanjung Malim.





## ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu eksperimen untuk meninjau keberkesanan alat bantu mengajar yang berkONSEPkan Akhbar Dalam Darjah ( ADD ) untuk meningkatkan kefahaman bacaan bahasa Melayu murid-murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road. Perak. Kajian yang berbentuk kuasi – eksperimen ini menggunakan reka bentuk kajian ujian pra dan ujian post kumpulan kawalan ( pretest – posttest control group design ). Tumpuan kajian adalah terhadap pencapaian kefahaman bacaan murid-murid berdasarkan bentuk aras soalan yang berdasarkan kepada Taksonomi Bloom. Ujian –t digunakan untuk menguji 9 hipotesis nul bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian kefahaman bacaan yang menggunakan akhbar berkONSEPkan ADD bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan yang menggunakan buku teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan akhbar yang berkONSEPkan ADD dan penggunaan buku teks dalam ujian pra hampir sama. Walaupun demikian, setelah kedua-dua kumpulan ini diberi rawatan didapati bahawa penggunaan ADD lebih berkesan daripada penggunaan buku teks. Dapatkan ini membuktikan bahawa penggunaan ADD berupaya meningkatkan kefahaman bacaan murid-murid. Berdasarkan fakta ini, adalah disyorkan supaya guru-guru bahasa Melayu mempelbagaikan teknik pengajaran mereka dengan melibatkan sumber media seperti akhbar, majalah, komik dan pelbagai bacaan lain.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## ABSTRACT

This research is considered as an experiment to study the effect of Teaching Aids based on the concept of Newspaper In Classroom ( NIE ) in order to increase the level of understanding among Year Four pupils in Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road. Perak. This research is based on Experiment Method (Pretest – Posttest) It focused on the pupil's level of proficiency based on Bloom's Taxonomy. Nine aspects had been tested to identify the differences between the proficiency level using NIE and ordinary texts. The finding of this research was the level of proficiency between these two concepts almost the same. However, through my observation, the use of NIE on selected group has significant outcome compare to the use of textbook. This already shown that the use of NIE able to enhance the proficiency level among the pupils. Base on this fact, teachers should make fully use of varieties reading materials such as newspapers, magazines, comics and others.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii

## BAB I PENDAHULUAN

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Pengenalan	Perpustakaan Tuanku Bainun	PustakaTBainun	1
1.0		Kampus Sultan Abdul Jalil Shah			
1.1	Sejarah ADD		6		
1.2	Konsed ADD		8		
1.3	Kefahaman		9		
1.4	Bacaan		10		
1.5	Kefahaman Bacaan		11		
2.0	Pernyataan Masalah		12		
3.0	Objektif Kajian		17		
4.0	Soalan Kajian		18		
5.0	Hipotesis Kajian		20		
6.0	Hipotesis Nul		22		





7.0	Kepentingan Kajian	24
8.0	Skop Kajian	26

## BAB II SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	28
2.1	Ciri-Ciri Akhbar Yang Baik	29
2.2	Keberkesanan ADD	32

## BAB III METODOLOGI

3.0	Pengenalan	35
3.1	Reka Bentuk Kajian	35
3.2	Sampel dan Populasi Kajian	38
3.3	Instrumen Kajian	39
3.4	Prosedur Kajian	40
3.5	Penganalisisan Data	41



**BAB IV****DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	43
4.1	Pencapaian Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	44
4.2	Pencapaian Kefahaman Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Post	46
4.3	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Post	49
4.4	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental yang Menggunakan Akhbar ( ADD ) dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	51
4.5	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	53
4.6	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	55
4.7	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	57
4.8	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	59
4.9	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	62



**BAB V****RINGKASAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN  
DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	64
5.1	Hipotesis Nul	64
5.2	Ringkasan Dapatan	67
5.3	Perbincangan Dapatan	71
5.4	Implikasi Kajian Terhadap Guru Bahasa Melayu	72
5.5	Cadangan-cadangan untuk Penyelidikan Lanjutan	74

**RUJUKAN****LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
4.1.1	Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental Dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	45
4.1.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	46
4.2.1	Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Mudah	47
4.2.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan bagi Soalan Aras Mudah Dalam Ujian Post	48
4.3.1	Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Tinggi Dalam Ujian Post	49
4.3.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan bagi Soalan Aras Tinggi Dalam Ujian Post	51
4.4.1	Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	52
4.4.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) dalam Ujian Pra dan Ujian Post	53
4.5.1	Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post	54



4.5.2	<b>Ujian – t bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	55
4.6.1	<b>Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	56
4.6.2	<b>Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	57
4.7.1	<b>Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	58
4.7.2	<b>Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar ( ADD ) dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	59
4.8.1	<b>Min dan Sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks Dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	60
4.8.2	<b>Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks Dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	61
4.9.1	<b>Min dan sisihan Lazim ( SL ) Markat Kefahaman Bacaan Murid menggunakan Buku teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	62
4.9.2	<b>Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post</b>	63



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Halaman
3.1.1	Reka Bentuk Penyelidikan Kuasi Model Wiersma	36

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran berjalan serentak dalam kehidupan sama ada secara formal ataupun tidak formal. Dalam pendidikan, penerimaan ilmu pengetahuan banyak bergantung kepada kebolehan membaca dan memaham bahan-bahan bacaan seperti buku, majalah, dan surat khabar. Murid-murid memperoleh maklumat-maklumat baru tentang fakta, isu semasa, sejarah , cerita-cerita, maklumat dan sebagainya melalui pembacaan. Selain itu, seseorang akan memperoleh keseronokan ketika membaca kerana melalui bacaan akan mendapat idea dan pengalaman.

Chapman dan Czerniewska ( 1978 : 62 ) menyatakan bahawa membaca akan mengembangkan ruang kefahaman tentang dirinya kemanusiaan dan dunia seluruhnya. Proses ini akan dapat dicapai dengan lebih berkesan dan bermakna apabila semua pancaindera murid-murid digunakan serentak dengan sebaik mungkin. Dalam pengajaran Bahasa Melayu penggunaan bahan sebagai alat bantu mengajar, misalnya surat khabar memerlukan penglibatan sebahagian besar pancaindera ini. Penggunaan bahan sebagai alat bantu mengajar boleh menimbulkan rangsangan dan minat murid-murid untuk berfikir terhadap isi



pengajaran guru. Oleh yang demikian penggunaan bahan yang sesuai dan menarik, amat penting diberi perhatian oleh guru bahasa.

Umumnya penggunaan bahan ini bertujuan untuk menggunakan indera murid-murid supaya objektif pengajaran dapat dicapai dengan berkesan. Ini ditegaskan lagi oleh Cornell (1981 : 305) berpendapat bahawa pengetahuan dapat diperteguhkan dengan pembelajaran dijadikan lebih kekal dengan merangsang lebih daripada satu deria, seperti penerangan lisan disertakan atau diikuti dengan pernyataan atau dengan tulisan pada papan hitam, pemerhatian kepada gambar atau gambar rajah yang berkaitan, atau penelitian sesuatu model atau contoh. Seorang lagi sarjana Kamarudin Haji Husin (1986 : 234) pula menyatakan bahan merupakan faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran dan menimbulkan rangsangan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran bertambah baik dan berkesan.

Pendapat kedua-dua tokoh di atas sejajar dengan pandangan Noraziah Abd. Hamid ( 1984 : 2 ) yang menyatakan bahan bantu mestilah dianggap sebagai satu bahagian yang padu atau "integral part" dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu ini bertujuan menambah kelancaran perhubungan guru dengan murid dan sebaliknya, pelajar sesama murid serta membantu atau mempercepat proses pemahaman mereka.



Selain pandangan di atas, Mat Nor Husin dan Ab. Rahman (1981 : 1 ) ada menjelaskan penggunaan bahan pengajaran atau penggunaan alat bantu mengajar adalah penting kerana dapat meningkatkan kejayaan pembelajaran, terutamanya untuk pelajaran Bahasa Melayu . Alat bantu mengajar juga boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu aspek pengajaran dan pembelajaran yang lebih mencabar dan lebih mendalam lagi.

Terdapat juga pandangan yang menyentuh bahan mengajar ini secara lebih mendalam . Misalnya Ng Kuan Seng ( 1981 :35 ) menyatakan bahawa kita tidak dapat memberi takrif yang tetap walaupun pada keseluruhannya banyak penduduk menyetujui bahawa penggunaan bahan pengajaran dalam situasi pengajaran dan pembelajaran ialah pengalaman yang melibatkan penggunaan penglihatan atau pandangan seseorang. Sungguh pun begitu Atan Long ( 1982 : 174 ) cuba menghuraikan takrif ini dengan mengatakan bahawa bahan pengajaran atau alat bantu mengajar terdiri daripada pelbagai bahan . Sesuatu bahan boleh disampaikan dengan pelbagai cara . Umumnya, sesuatu bahan itu mungkin diterbitkan dalam bentuk buku.

Sehubungan dengan perkara tersebut, jika ditinjau pula pada zaman prasejarah, manusia menggunakan alat-alat tertentu bagi membantu mereka dalam proses tunjuk ajar atau mendapatkan kemahiran tertentu. Mereka mungkin menggunakan keratan-keratan kayu kecil untuk mengira atau



menggunakan tanah liat untuk menulis. Hari ini berbagai-bagai bentuk media pengajaran yang wujud di sekeliling kita. Buku-buku dan alat-alat cetak lain misalnya, jarang disedari sebagai bahan pengajaran(Harun Che Su, 1981 : 41 ).

Oleh hal demikian, bahan bantu dalam pengajaran bahasa adalah sangat penting khasnya dalam mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, seperti aktiviti membaca bahan-bahan dalam akhbar. Demikian juga peranan guru sangat penting, guru perlu memikirkan penggunaan bahan yang mudah didapati serta tidak membebankan murid tetapi berkesan dan menarik. Pada kebiasaan guru sering menggunakan buku teks tanpa menggunakan bahan lain sebagai bahan bantu. Namun kebanyakan guru mengambil jalan mudah dan berpuas hati hanya dengan buku teks yang ada pada murid-murid. Buku memang sebagai sumber yang penting kepada murid, dalam hal ini, Noraziah Abd. Hamid ( 1981 : 3 ) telah memetik kata David Berlo yang berpendapat bahawa dalam proses komunikasi, terdapat empat ciri penting iaitu sumber, pesanan, saluran dan penerima. Apabila guru mengajar kemahiran bahasa, dia perlu sedar akan keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Apabila semua kemahiran ini dapat dicapai, barulah boleh dikatakan seseorang murid itu dapat menguasai kemahiran bahasa tersebut.

Perkara yang menjadi persoalan sekarang ialah, mengapa ramai guru bahasa masih tidak mahu memanfaatkan bahan-bahan cetak, khasnya akhbar



untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran? Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid ( 1978 ), seperti yang tersiar dalam Berita Harian 23 Jun 1978, antara lain, beliau mengatakan bahawa penggunaan surat khabar sebagai media teknologi pendidikan yang murah, beberapa kajian yang dilakukan setakat ini menunjukkan ketidaksungguhan penggunaan media tersebut walaupun pendedahan dalam bentuk ceramah dan bengkel mendapat sambutan yang menggalakkan.

Daripada beberapa takrifan dan kajian di atas ternyata proses membaca satu proses yang kompleks. Membaca melibatkan aktiviti mengamati, mengingat, mendengar dan menakkul sesuatu bahan yang dibaca. Seseorang perlulah menguasai kemahiran-kemahiran membaca yang tertentu .Justeru dengan penguasaan kemahiran ini, maka kita dapat membaca sesuatu bahan bacaan dengan lebih berkesan dan bersistematik. Selain itu, juga bertujuan untuk menggalakkan murid-murid bagi meneruskan proses pembelajaran di bilik darjah. Kebolehan dalam mengamati dan memahami idea-idea yang terkandung dalam sesuatu petikan rencana ini memberi rangsangan dan motivasi kepada murid-murid untuk meneruskan pengajian dan mencari maklumat-maklumat baru. Bagi meningkatkan kemahiran ini, bacaan intensif dan ekstensif mestilah dilaksanakan khususnya di peringkat sekolah rendah tahap dua.

## 1.1 Sejarah ADD

Pelaksanaan ADD didasarkan kepada konsep Newspapaer in Education ( NIE ) yang telah dilaksanakan di Amerika Syarikat .

**“ The Newspaper in Education program in existence for more than 30 years in a national system of cooperation between school districts and local newspaper. Some 600 newspapers repsenting 76.5 % of daily circulation-participate in the NIE program throughout the acedemic year. Students at all grade levels use the newspaper as a vital part of their studies”**

( De Roche : 1976 )

Kenyataan De Roche ini bermakna kecenderungan menggunakan akhbar di bilik darjah bermula pada awal kurun ke-20. Pada 1930-an hingga 1955 beberapa akhbar seperti The New York Times dan Milwaukee Journal melaksanakan program itu di sekolah-sekolah.

Seterusnya pada 1955 - 1960 penggunaan ADD semakin berkembang dan International Circulation Managers Association menyelaraskan kegiatan ADD dengan mengadakan bengkel di kalangan guru dan ahli pendidikan di beberapa universiti. Program ini dikenali sebagai "Newspaper in Classroom". Selanjutnya mulai 1958 American Newspaper Publisher Association Foundation

( ANPA ) mengambil alih pengelolaan, penyelarasan dan penajaan akhbar di sekolah. Pengaruh penggunaan akhbar ini akhirnya dilaksanakan di Malaysia sehingga sekarang Berita Harian dan New Straits anggota bersekutu.

Sebelum itu pada tahun 1976, ANPA menggantikan nama “Newspaper in Classroom” kepada “Newspaper in Education”. Manakala di Malaysia program ini dilaksanakan oleh akhbar Berita Harian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk menjadikan akhbar sebagai bahan pengajaran “tool for instruction” di bilik darjah. Program ADD ini telah dilancarkan oleh bekas Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Abdul Rahman Arshad pada 29 Jun 1985.

Mengikut pandangan umum tentang Akhbar Dalam Darjah atau ADD, bermaksud penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dengan kata lain ADD juga berfungsi untuk memupuk kecenderungan dan minat membaca di kalangan murid sekolah rendah dan menengah.

## 1.2 Konsep ADD

Akhbar Dalam Darjah ( ADD ) bermaksud penggunaan surat khabar sebagai bahan pengajaran ( tool for instruction ) dan pembelajaran bilik darjah. Selain itu, ADD juga berfungsi untuk memupuk kecenderungan dan minat membaca pada kalangan pelajar. Oleh itu, sasaran ADD adalah untuk proses pengajaran dan pembelajaran serta memupuk minat membaca.

Penggunaan akhbar dalam pendidikan melalui konsep ADD didasarkan kepada pelaksanaan Newspaper in Education ( NIE ) yang popular di Amerika Syarikat dan di beberapa buah negara Eropah, Australia dan New Zealand .

Beberapa ‘personel’ daripada Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) telah mengadakan tinjauan di beberapa buah negara berkenaan terutama Amerika Syarikat, Kanada dan Australia yang melaksanakan program NIE.

Akhirnya Akhbar The New Straits Times ( NST ) dan Berita harian merancang untuk mempopularkan konsep itu di negara ini. NST menubuhkan Unit NIE dan Berita Harian menubuhkan Unit Akhbar Dalam Darjah (ADD) dan mula diperkenalkan di sekolah-sekolah untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Bermula dari tarikh itu Berita Harian melalui Unit ADD dengan sokongan dan Kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan pendedahan Konsep ADD kepada guru dan bakal guru di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, termasuk juga di pusat-pusat pengajian tinggi seperti maktab perguruan, fakulti pendidikan universiti dan Pusat Kegiatan Guru ( PKG ).

### 1.3 Kefahaman

Mengikut Oxford Student's Dictionary of Current English : 'Comprehend' ialah 'understand fully ( 1979 : 120 ) Ishak Harun memetik definisi yang dibuat oleh Bloom :

**"Probably the largest general class of intellectual abilities and skills emphasized in schools and colleges are those which involve comprehension. That is , when students are confronted with a communication, they are expected to know what is being communicated and to be able to make some use of material or ideas contained in it."**

( 1977 : 121 )

## 1.4 Bacaan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga( 1996: 82 ) Dewan Bahasa dan Pustaka bacaan ialah memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan kandungannya . Oleh itu , membaca merupakan saluran penting dalam mendapatkan ilmu pengetahuan daripada sumber yang dibaca. Namun lain pula pandangan Safiah Osman mengatakan, “ ... apabila seseorang itu dapat memahami apa-apa yang dibaca, ia memperoleh satu alat penting dalam pembelajaran”. ( 1985 : 1 )

Namun Pendapat Safiah Osman berbeza pula pandangan menurut Whipple (Carlson, 1972) telah mendefinisikan bacaan kepada dua bahagian, iaitu makna terhad dan luas. Tambahnya lagi membaca mengikut makna yang terhad ialah kebolehan memahami perkataan yang ditulis. Membaca mengikut makna yang lebih luas pula, bermaksud menterjemahkan apa yang terdapat pada bahan bercetak kepada tindakan.

Dengan ini membaca dapat disimpulkan sebagai alat terpenting kepada setiap individu. Kebolehan memahami sesuatu bahan yang dibaca, akan meningkatkan tahap keilmuan dan ketajaman dalam mentafsir maklumat. Membaca bukan sahaja memahami yang tersurat tetapi perlu memahami apa-apa yang tersirat. Maka untuk mencapai tahap bacaan yang tinggi ini, keupayaan guru yang mengajar bahasa terutamanya mengajar bacaan perlulah mengenal

pasti bahawa mengembangkan dan meningkatkan tahap kefahaman bacaan para pelajarnya merupakan satu tujuan utama pengajaran. Tidak ada matlamat yang lebih penting selain tahap peningkatan kefahaman bacaan. Oleh itu, guru haruslah sentiasa memikirkan langkah-langkah dan strategi yang sesuai bagi membantu pembaca berpotensi.

## 1.5 Kefahaman Bacaan

Kefahaman bacaan didefinisikan sebagai satu kebolehan memahami apa yang dibaca dengan sepenuhnya. Membaca juga merupakan satu proses bagi mendapatkan makna daripada komunikasi, sama ada melalui tulisan atau penggunaan simbol yang tertentu dan merangkumi makna yang sesuai, pembentukan generalisasi dan penilaian ( Harris & Hodges, 1981 ).

Atan Long ( Raminah & Rahim, 1986 ) pula mendefinisikan kefahaman membaca ialah kebolehan mengenal lambang-lambang dan menterjemah lambang itu kepada bunyi-bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu.

Zalizan Mohd Jelas ( 1987 ) mendefinisikan kefahaman bacaan sebagai memahami apa yang ditulis oleh seseorang pengarang dan penguasaan makna yang terkandung dalam simbol bercetak dan makna dalam konteks.

Supki ( Jeniri & Aishah, 1989 ) menyatakan membaca itu sebenarnya merupakan satu proses yang amat kompleks yang melibatkan aspek kognitif, ingatan dan aspek-aspek pemikiran tingkah laku yang lain.

Kesimpulannya berdasarkan definisi-definisi di atas dapatlah dibuat satu rumusan bahawa kefahaman bacaan ialah keupayaan individu mentafsir dan memperoleh maklumat yang dibaca berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada.

## 2.0 Pernyataan Masalah

Mohd Amin bin Arshad (1984 : 9 ) mengatakan bahawa bahan-bahan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah umumnya bahan-bahan yang kurang dikawal sama ada daripada segi pemilihan, penyesuaian dan penggunaannya. Kebanyakan bahan yang digunakan untuk pengajaran bacaan,lisan dan kefahaman serta tatabahasa dipetik daripada buku teks dan diajar terus kepada murid-murid. Oleh itu tidak ada usaha untuk mempelbagaikan penggunaan bahan-bahan pengajaran dan kemahiran bahasa kurang berkesan dan membosankan.

Mohd Helmi Haji Ismail ( 1982 : 61 ) mendapati ramai pula antara guru yang bergantung kepada buku-buku teks dalam pengajaran mereka dan segera

mahu menamatkan sukanan pelajaran kerana hendak menyediakan murid-muridnya menghadapi peperiksaan yang sudah tentu berdasarkan sukanan pelajaran. Akibatnya murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Apatah lagi untuk menyatakan fikiran dengan perasaannya, baik secara lisan, tulisan maupun melalui bacaan.

Kemahiran bacaan perlu juga diberi keutamaan yang sama antara kemahiran-kemahiran yang lain . Kemahiran bahasa yang lain akan dapat dikuasai dengan baik apabila kemahiran ini dapat dikuasai dengan sempurna. Kelemahan aspek bacaan pelajar menjadi bertambah nyata apabila guru bahasa yang tidak kreatif sifatnya, tidak berusaha pula untuk membaiki kelemahan pelajar kerana kekurangan idea dan latihan.Akibatnya guru bahasa tersebut menjadi bosan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa menjadi mata pelajaran yang membebankan guru dan murid sendiri. Kelemahan yang wujud inilah yang menyebabkan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Melayu (1981 : 95-97 ) menyenaraikan faktor berkenaan :

- i. Terdapat sebilangan guru yang tidak menerima latihan khas untuk guru bahasa tetapi ditugaskan mengajar bahasa
  
- ii. Ada guru yang tidak dapat mentafsirkan kehendak sukanan pelajaran dengan tepat, sehingga mutu pengajaran terjejas.

- iii. Pergantungan yang terlalu kuat kepada buku teks dan untuk tujuan peperiksaan, sehingga menjelaskan kemahiran berbahasa sebagai unsur sosial dalam masyarakat.
- iv. Kegagalan membezakan laras-laras bahasa yang berbeza-beza sehingga murid-murid tidak tahu membezakan variasi bahasa bagi situasi-situasi yang berlainan.
- v. Buku-buku teks yang tidak menepati falsafah pendidikan bahasa sebagai satu kemahiran yang menyeluruh tetapi sebaliknya menekankan kemahiran unsur-unsur bahasa tertentu sebagai cirri-ciri penting, misalnya menghafalkan fungsi-fungsi awalan, atau penggunaan ungkapan dan peribahasa tertentu.

Berdasarkan perkara (iii) laporan tersebut mendapati bahawa guru bahasa bergantung kepada buku teks. Guru-guru tidak mahu menggunakan alatan atau media yang murah seperti akhbar. Pemilihan akhbar sebagai bahan pengajaran bahasa, khususnya untuk mengajarkan kemahiran bacaan adalah sesuai kerana akhbar-akhbar selain harganya murah dan senang pula diperoleh, menyediakan bahan-bahan yang berbentuk rencana dan gambar terbaru, segar, menarik dan menghiburkan. Media cetak ini boleh mempertingkatkan motivasi pelajar kerana bahan yang disiarkan mengandungi pelbagai unsur pendidikan dan hiburan.



Salah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan bahan pengajaran dan untuk mengelakkan guru terlalu bergantung kepada buku teks semata-mata adalah dengan menggunakan bahan daripada akhbar. Semua orang membaca akhbar, baik guru maupun murid. Selalunya akhbar ini diketepikan setelah dibaca atau disimpan begitu sahaja. Akhbar yang sudah dibaca ini tidak digunakan sepenuhnya dalam pengajaran. Kamarudin Haji Husin ( 1986 : 154 ) mengatakan bahawa potongan akhbar tentang sesebuah rencana, berita, pengumuman iklan dan sebagainya boleh dijadikan bahan dan alat untuk pengajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan. Rencana , cerpen,sajak dan iklan di akhbar sesuai untuk mewujudkan aktiviti membaca dan memaham yang menarik.

Menurut Taha Abdul Kadir ( 1986 ), surat khabar adalah sesuai dan penting sebagai salah satu sumber pembelajaran. Maklumat yang disediakan terdapat dalam akhbar adalah lebih luas, kemas kini dan cepat tersebar berbanding dengan buku teks yang kadang-kadang kandungannya kurang tepat dan ketinggalan zaman. Memandangkan maklumat yang didedahkan kepada pelajar adalah terbaru berbanding dengan maklumat yang terdapat dalam buku teks, maka secara langsung guru-guru bahasa dapat melatih murid-murid berfikir secara kritikal dan logik terhadap isu bahasa. Latihan dan aktiviti bacaan berdasarkan bahan ini sudah pasti pula menjadi asas kepada aktiviti bahasa yang lain seperti lisan dan menulis dengan lebih menarik.



Mengajar bahasa lebih berkesan menarik jika semua bahan bantu lain digunakan. Radio, kaset, televisyen, video, slaid, makmal bahasa, lutsinar dan ‘overhead projector’ (OHP) boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru bahasa. Sesetengah guru bahasa tidak pula mengambil kesempatan ini untuk digunakan dalam pengajaran. Ahmad bin Haji Mohd Tahir ( 1982 : 117 ) mendapati sungguhpun kemudahan mendapatkan alat-alat ini ada di sekolah, namun guru Bahasa Melayu tidak mengambil kesempatan untuk menggunakannya. Ada beberapa sebab yang menjadikan hal ini berlaku pada pandangan pendidik. Terdapat guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan setengah-setengah daripada alat-alat bantu mengajar ini. Di samping itu masalah kekangan masa dan kemudahan untuk menggunakannya juga menjadi faktor wujudnya keadaan tersebut.

Penggunaan akhbar untuk mewujudkan aktiviti bacaan dan memahami dalam pengajaran bahasa dikira sebagai pilihan mudah oleh guru-guru bahasa untuk mengatasi masalah penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan akhbar dicadangkan memandangkan harganya murah, mudah didapati, tidak memakan masa yang panjang untuk menyediakan atau disesuaikan dengan objektif pengajaran membaca dan memahami. Penggunaan akhbar ini juga diharapkan dapat mengubah sikap guru yang menganggap bahawa aktiviti bacan kefahaman menyukarkan guru. Guru tidak menitikberatkan aktiviti bacaan kefahaman mungkin kerana lebih mementingkan isi pelajaran yang hendak diajarkan sahaja.

Masalah pelaksanaan aktiviti bacaan kefahaman dalam bilik darjah ini mendapat perhatian kerana pelaksanaan dalam kelas tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Pelaksanaan pengajaran kemahiran bacaan dalam kelas tidak mencapai matlamat seperti yang terkandung dalam sukanan pelajaran. Kesannya ialah pelajar-pelajar sukar untuk memahami apa-apa yang dibaca. Malah yang lebih menonjol ialah terdapatnya jurang maklumat yang ada antara murid-murid dengan guru dan juga dengan orang dewasa. Kesemuanya ini berpunca daripada persekitaran rumah dan sekolah yang tidak membimbing murid-murid memperbaiki keupayaan memahami terhadap sesuatu bahan bacaan yang dibaca oleh mereka.

### 3.0 Objektif Kajian

Menyedari hakikat yang wujud di sekolah-sekolah berdasarkan permasalahan yang timbul, maka kajian ini dilakukan untuk mencapai dan memenuhi objektif-objektif yang berikut :

- i. Melihat keberkesanan terhadap bacaan murid melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan menggunakan ADD
  
- ii. Melihat kesesuaian akhbar yang boleh digunakan untuk membentuk aktiviti membaca.



- iii. Membuat cadangan langkah-langkah mengadakan aktiviti-aktiviti membaca berdasarkan bahan-bahan akhbar.
- iv. Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui penggunaan ADD di bilik darjah.
- v. Membuat cadangan langkah-langkah mengatasi masalah yang timbul daripada mengadakan aktiviti membaca menggunakan bahan akhbar.

## 4.0 Soalan Kajian



Kajian ini bertujuan untuk membandingkan tahap pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan dua jenis bahan bantu mengajar iaitu yang menggunakan surat khabar dan buku teks. Asas kepada persoalan ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan.

4.1.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post ?





4.1.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post ?

4.1.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi ?

4.1.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post ?

4.1.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pran dengan ujian post ?

4.1.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post ?

4.1.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ?



4.1.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post ?

4.1.9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ?

## 5.0 Hipotesis Kajian

Secara khususnya kajian ini akan menjawab hipotesis kajian yang berikut :

5.1.1 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post.

5.1.2 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post



5.1.3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi.

5.1.4 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar ( ADD ) dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.5 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post

5.1.6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post

5.1.7 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.8 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.



5.1.9 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

## 6.0 Hipotesis Nul

Kajian ini juga bertujuan untuk menguji hipotesis nul kajian yang berikut :

6.1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan ujian post.

6.1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post.

6.1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post.



6.1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar ( ADD ) dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.



6.1.7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.



6.1.9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dan ujian post.

## 7.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hasil kajian Awang Had Salleh ( Mohd Amin Arshad, 1984 : 9 ) mendapati 84.4 % guru mengakui mereka tidak pernah atau jarang menggunakan potongan akhbar atau komik untuk dijadikan bahan pengajaran. Demikian juga dengan perbincangan hal-hal semasa, amat sedikit bilangan guru yang menjalankannya iaitu 10.53 % . Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan bahan pengajaran amat terbatas.

Guru bahasa atau guru mata pelajaran yang lain yang mengajar Bahasa Malaysia diharap dapat melihat bagaimana bahan daripada akhbar boleh dieksplorasi bagi menimbulkan aktiviti membaca. Mereka juga diharapkan apabila menggunakan bahan-bahan ini nanti, akan berasa seronok dan boleh menghindarkan rasa bosan ketika mengajar. Bagi murid-murid pula, penggunaan akhbar ini dapat menjadi satu motivasi untuk menghasilkan aktiviti membaca yang menarik. Di samping mereka gemar akan mata pelajaran ini, penggunaan bahan ini juga diharapkan dapat menajamkan lagi daya fikir mereka, di samping

mereka belajar untuk menghadapi peperiksaan, aktiviti-aktiviti membaca berdasarkan bahan akhbar ini diharap dapat melatih para murid menjadi murid yang aktif dan boleh menyambut sebarang pernyataan atau persoalan dengan tepat dan jelas.

Diharap juga penekanan terhadap peperiksaan semata-mata dapat diubah kerana matlamat pendidikan bahasa mencakup aspek yang lebih luas daripada itu. Dalam hal ini, Burnsiston Christable pernah menyatakan bahawa :

**“The stress on written examinations in the past has tended to make us lose sight of the fact that there are far more occasions when we have to speak effectively and listen sincerely than read and write well.”**

**( Burnsiston Christable, 1966 : 1 )**

Didapati juga pelajar pada peringkat sekolah rendah sekarang ini sudah mula membaca akhbar secara kritis. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru Bahasa Melayu membimbing pelajar supaya minat membaca ini diteruskan dan mendidik mereka supaya memahami apa yang dibaca bersesuaian dengan umur dan tahap keupayaan dan kecerdasan. Oleh yang demikian , tabiat gemar membaca ini dapat dipertingkatkan dan dikekalkan. Berdasarkan kajian Mohammad Zainuddin Hashim ( 1982 : 89 ) didapati selain daripada buku teks dan nota sekolah, pelajar cenderung dan sering membaca suratkhabar. Ini

mungkin kerana bahan bacaan itu mudah diperolehi. Di samping itu, berita, rencana, gambar dan pelbagai maklumat lain dalam akhbar dapat digunakan untuk mengasah dan menajamkan pemikiran mereka.

Kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pihak bahawa akhbar boleh membantu pengajaran membaca di sekolah. Di samping akhbar di keluarkan untuk tujuan komersial dan mempunyai matlamat untuk menyampaikan pandangan dan hasrat pemerintah , bahan-bahan yang tersiar dapat juga di manfaatkan untuk tujuan pendidikan . Rencana, gambar dan kartun yang disiarkan melalui akhbar memaparkan aspek kehidupan rakyat dalam semua bidang. Daripada bahan-bahan yang tersiar inilah tersirat matlamat untuk mendidik masyarakat ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Guru bahasa yang peka dan prihatin sudah tentu akan menggunakan peluang ini untuk mendidik pelajar-pelajarnya ke arah yang sama melalui kegiatan membaca yang menyeronokkan.

## 8.0 Skop Kajian

Sekolah Rendah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road, Perak dipilih sebagai bahan kajian kerana sekolah ini menggunakan ADD sebagai bahan pengajaran dan pembelajarannya. Justeru kajian ini tertumpu kepada penggunaan akhbar berbahasa Melayu sahaja. Akhbar tersebut ialah Akhbar

Didik dijadikan bahan kajian kerana Akhbar Didik ini mempunyai jumlah pembaca yang ramai terutamanya murid-murid sekolah rendah. Bahan-bahan daripada akhbar ini dipilih untuk dijadikan cadangan pengajaran aktiviti membaca berdasarkan pertimbangan-pertimbangan daripada segi :

- i. Murid-murid
- ii. Objektif pengajaran membaca
- iii. Masa pengajaran

Penggunaan akhbar ini terbatas kepada pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu dan tumpuan khas diberikan kepada perlaksanaan aktiviti membaca. Aktiviti membaca ini juga dicadangkan kepada murid-murid peringkat sekolah rendah sahaja. Peringkat ini merupakan peringkat peralihan daripada tahap satu ke tahap dua.